

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan komitmen dalam mencegah aktiviti penipuan (*scam*) dan perjudian secara atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan ataupun 'scam' sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

Namun, dari tahun 2018 hingga September 2020, Kementerian telah menerima sejumlah **3,595** aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan, yang seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, SC atau BNM untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.

Dalam tempoh yang sama, **1,588** laman palsu yang dikenali sebagai laman “*Phishing*” telah disekat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 melalui usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat dalam *Internet Banking Task Force* (IBTF) yang diketuai oleh BNM.

Bagi perkara berkaitan siasatan, “Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC” yang telah ditubuhkan akan terus diperkasakan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun antara PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), termasuklah bagi perkara melibatkan isu kesalahan jenayah siber termasuklah berkaitan penipuan atau *scam*. Kerjasama kedua-dua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif. Aduan yang tidak dapat dikendalikan di peringkat SKMM akan dibawa kepada perbincangan bersama agensi-agensi lain.

Dari aspek pengawalseliaan industri, SKMM turut menjalankan audit pengesahan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesahkan integriti pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan data tersebut disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.

Sehingga Oktober 2020, sebanyak 1,377,862 talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 920,217 talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan 457,645 telah dikemas kini dengan maklumat yang sah.

Selain tindakan berbentuk penguatkuasaan dan pengawalseliaan industri, pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian. Bagi tujuan tersebut, pihak SKMM menggerakkan program-program advokasi pengguna menerusi kempen-kempen kesedaran di seluruh negara, serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran

NO SOALAN : 14

dan kewaspadaan orang ramai termasuk golongan muda dan kanak-kanak berkenaan risiko dan modus operandi penipuan dalam talian. KKMM turut memberi kerjasama dengan mengaturkan siri temu bual menerusi rancangan bual bicara di televisyen, radio mahupun sesi webinar yang menampilkan wakil daripada BNM, PDRM dan SKMM sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi dalam talian tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Antara tahun 2018 sehingga September 2020, sejumlah **1,010** laman web judi dalam talian telah disekat berdasarkan permohonan rasmi pihak PDRM, atas kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Usaha ini akan djalankan secara berterusan dari semasa ke semasa. Langkah ini diambil berlandaskan permohonan daripada PDRM, serta maklumat dan aduan yang diterima daripada masyarakat awam.